

# VIRLESS TABLET

Acyclovir (200mg dan 800mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan VIRLESS TABLET.
2. Bagaimana VIRLESS TABLET berfungsi.
3. Sebelum menggunakan VIRLESS TABLET.
4. Cara menggunakan VIRLESS TABLET.
5. Semasa menggunakan VIRLESS TABLET.
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan VIRLESS TABLET.
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan VIRLESS TABLET

VIRLESS TABLET digunakan untuk jangkitan yang disebabkan oleh virus Varicella Zoster (virus yang mengakibatkan cacar air dan kayap), jangkitan kulit yang disebabkan oleh virus Herpes Simplex (kudis herpes) dan sebagai rawatan pencegahan dan pengulangan jangkitan virus Herpes Simplex.

## Bagaimana VIRLESS TABLET berfungsi

Acyclovir diambil (oleh sel badan) dan ditukar kepada bentuk aktif. Ia kemudian menghalang penghasilan DNA baru dalam virus. Acyclovir mengurangkan kadar dan tempoh simptom jangkitan.

## Sebelum mengambil VIRLESS TABLET

### Bila tidak boleh mengambil

Sekiranya anda alergi terhadap acyclovir atau sebarang bahan yang terdapat di dalam produk ini, anda tidak boleh mengambil VIRLESS TABLET.

### Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor jika anda:

- Mempunyai masalah buah pinggang.
- Mengalami dehidrasi, seperti selepas muntah dan cirit birit yang berpanjangan.
- Sedang mengambil ubatan lain yang akan menjelaskan fungsi buah pinggang.
- Mengandung atau merancang untuk mengandung.
- Menyusukan anak atau merancang untuk menyusukan anak.
- Mengalami keadaan perubatan yang lain seperti selepas permindahan sum-sum tulang (dalam keadaan lemah imunisasi).

## Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain. Interaksi akan berlaku jika VIRLESS TABLET digunakan bersama dengan sesetengah ubat yang lain. Ia boleh menyebabkan kesan yang tidak diingini jika digunakan bersama dengan Probenecid (ubat untuk merawat gout).

## Cara menggunakan VIRLESS TABLET

### Berapa banyak harus digunakan

#### *Rawatan Jangkitan Herpes Simplex:*

200mg (400mg dalam pesakit yang lemah imunasi) 5 kali sehari, selalunya selama 5 hari.

#### *Pencegahan jangkitan ulangan Herpes Simplex:*

200mg diambil 4 kali sehari, atau 400mg dua kali sehari, mungkin dikurangkan kepada 200mg 2 atau 3 kali sehari.

#### *Pencegahan jangkitan Herpes Simplex pada pesakit yang lemah imunasi:*

200mg diambil 4 kali sehari pada kira-kira selang setiap 6 jam.

#### *Rawatan jangkitan Varicella dan Herpes Zoster :*

800mg, 5 kali sehari selama 7 hari.

#### *Dos untuk kanak-kanak:*

Untuk rawatan dan pencegahan jangkitan Herpes Simplex dalam imunasi rendah, kanak-kanak 2 tahun dan ke atas perlu diberi dos orang dewasa dan kanak-kanak <2 tahun perlu diberi separuh daripada dos dewasa.

Untuk rawatan Jangkitan Varicella, kanak-kanak > 6 tahun: 800mg 4 kali sehari. 2 - 6 tahun: 400mg 4 kali sehari.  
di bawah 2 tahun: 200mg 4 kali sehari.

Doktor anda akan menentukan dos yang sesuai untuk anda berdasarkan tahap jangkitan, umur, dan fungsi buah pinggang.

### Bila perlu digunakan

VIRLESS TABLET perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### Berapa lama perlu digunakan

Dapatkan nasihat doktor tentang tempoh untuk pengambilan ubat.

## Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos VIRLESS TABLET dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlalu ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang seterusnya, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihat oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

## Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Minta bantuan perubatan dengan segera jika anda atau orang lain mengambil VIRLESS TABLET berlebihan.

## Semasa menggunakan VIRLESS TABLET

### Perkara yang perlu dilakukan

Ikat arahan doktor anda semasa mengambil VIRLESS TABLET. Ia hanya boleh diberi kepada perempuan mengandung atau ibu menyusu di bawah pengawasan doktor.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi VIRLESS TABLET kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana VIRLESS TABLET menjelaskan anda.

## Kesan-kesan sampingan

Antara kesan-kesan sampingan yang dilaporkan ialah:

- ruam kulit.
- merasakan sakit, muntah, sakit perut.
- pening, halusinasi dan mengantuk.
- kenaikan bilirubin dan enzim yang berkaitan dengan hati.
- peningkatan kadar urea dalam darah dan creatinin (sisa badan).
- penurunan dalam beberapa nilai ujian darah.

Sekiranya anda mengalami kesan sampingan yang lain atau kesan sampingan yang dialami berlarutan atau menjadi serius, sila rujuk kepada doktor anda dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumer→ Reporting*).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan**

#### Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.

#### Pelupusan

Lupuskan ubat ini jika anda tidak lagi mengambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor anda atau ahli farmasi atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada doktor atau ahli farmasi mengenai langkah yang perlu diambil terhadap tablet yang berlebihan.

### **Maklumat lanjut**

#### Rupa dan warna produk

VIRLESS TABLET 200mg : Tablet yang berwarna biru muda dengan satu permukaan berskor dan satu permukaan lagi mempunyai

  
tanda "4209",

VIRLESS TABLET 800mg: Tablet bujur berwarna biru di mana satu permukaan mempunyai skor.

#### Bahan –bahan kandungan

- *Bahan aktif*  
Acyclovir.

- *Bahan tidak aktif*

Starch, Magnesium stearate, Cellulose, sodium starch glycolate, Briliant blue FCF.

#### Nombor MAL

VIRLESS TABLET 200mg:

- MAL 19973001AZ

VIRLESS TABLET 800mg:

- MAL 19986501AZ

### **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP :**

28 Oktober 2015

### **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)271015/00383